

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,

DATO HUSSEIN ONN, DI ACARA

SAMBUTAN LAWATAN KE KEDAH

DI STADIUM DARUL AMAN,

ALOR SETAR, PADA HARI SABTU,

21HB. JUN, 1980 JAM 3.15 PETANG.

Assalamu mu'alaikum — — — —

Bismillah — — —

1. Yang Amat Berhormat, Dato Seri Syed Nahar Shahabuddin dan Datin Seri,
(Dato Kama Jaya)
 2. Yang Berhormat, Dato' Speaker dan Datin,
 3. Yang Berhormat, Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan,
 4. Ketua-ketua Parti Komponen Barisan Nasional, Negeri Kedah.
 5. Ketua-ketua kaum,
 6. Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.
-

Saya bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah rahmat dan izinNYA, dapat saya melakukan lawatan selama dua hari ke Negeri Kedah Darulaman. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih, serta

...2/-

2.

setinggi-tinggi penghargaan, kepada Kerajaan
Kedah
dan rakyat Negeri kerana mengaturkan sambutan
yang begitu besar, bagi mengalu-alukan ketibaan
saya dan rombongan saya.

2. Saya merasa amat terharu, dengan
penghormatan yang telah diberikan kepada
saya sebentar tadi. Penyertaan rakyat semua
kaum dan dari segenap lapisan masyarakat
pada petang ini, membuktikan perpaduan yang
memang sudah sedia terjalin di kalangan kita
sejak zaman berzaman. Semangat persefahaman
yang tulin inilah, yang telah menguatkan

... 3/-

3.

lagi azam saya, serta hasrat pemimpin-pemimpin negara yang lain, untuk mencurahkan setiap tenaga dan khidmat-bakti kami, bagi membawa kemakmoran yang lebih meningkat, keamanan dan ketenteraman kepada rakyat jelata. Keyakinan dan sokongan rakyat berbilang kaum terhadap Kerajaan, serta tugas dan peranan yang telah ditunai dan dilaksanakan oleh pemimpin-pemimpin di semua peringkat, telah meringankan beban dan tanggungjawab saya ^{dan rakan² saya} mentadbirkan negara.

3. Sejarah telah membuktikan wujudnya, asas-asas perpaduan rakyat berbilang kaum

4.

di negara kita. Berkat semangat kegigihan dan pengorbanan pemimpin-pemimpin kita yang telah lalu, serta hasil keutuhan persefahaman dan perpaduan rakyat berbilang kaum, maka kita telah berjaya dalam perjuangan kita, menghancurkan pembentukan kerajaan Malayan Union yang hendak dipaksakan keatas kita selepas Perang Dunia kedua; ~~dan~~ seterusnya, berjaya memperjuangkan Kemerdekaan Tanahair 23 tahun yang lalu. Dalam hubungan ini, kita sentiasa mengingati dan menghargai jasa bakti yang amat cemerlang, serta pengorbanan masa,

... 5/-

5.

tenaga dan fikiran seorang keluarga Diraja Kedah yang berjiwa rakyat, iaitu Yang Teramat Mulia, Tunku Abdul Rahman Putra, Bapak Merdeka dan Bapak Malaysia.

4. Sejak Kemerdekaan, dan seterusnya hasil dari penubuhan Malaysia, banyak perubahan yang telah berlaku, dan banyak kemajuan yang telah dicapai, dan faedah dinikmati oleh rakyat jelata. Kesemua kejayaan dan kemajuan yang telah diperolehi, adalah hasil usaha kita sendiri, dan berkat muafakat serta kerjasama dan sokongan rakyat yang cintakan negara ini.

... 6/-

6.

Oleh itu, sewajarnya semangat persefahaman dan perpaduan yang telah kita warisi selama ini, dan dibuktikan dalam acara sambutan meriah pada petang ini, dipelihara dan ditingkatkan lagi, bagi menjamin masa depan yang lebih cemerlang, serta memastikan keamanan dan kemakmuran yang berkekalan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

5. Sambil kita mengingati serta berbangga dengan kejayaan dan kemajuan yang telah kita capai itu, janganlah pula kita lupakan khidmat cemerlang anggota-anggota pasukan keselamatan,

7.

yang telah menggadai dan mengorbankan jiwa-raga, bagi mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara dari ancaman musuh. Hasil kejujuran serta semangat dedikasi dan keberwiraan mereka itu, maka kita telah dapat mengecap nikmat kemakmuran dan ketenteraman, serta kekal menganuti sistem pemerintahan demokrasi berparlimen, dan mengamalkan cara hidup bebas yang telah kita warisi selama ini.

6. Keutuhan dan ketahanan rakyat, telah memberi galakan dan dorongan, serta meningkatkan lagi semangat dedikasi dan kesetiaan anggota-anggota

8.

pasukan keselamatan kita, dalam menunai dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka. Kesanggupan mereka berjuang di luar kawasan tanahair, seperti yang telah dilakukan pada suatu masa yang lalu di kawasan-kawasan sempadan dengan ^{negeri} Thai, dalam gerakan-gerakan memburu dan memusnahkan pengganas-pengganas komunis, adalah bukti nyata terhadap semangat keperwiraan dan keberanian askar dan pasukan polis hutan kita.

7. Kerajaan Malaysia sentiasa menghargai kerjasama dan bantuan Kerajaan Negeri Thai, khasnya pasukan keselamatan yang bertugas dan rakyat

9.

negeri Thai yang tinggal di kawasan-kawasan sempadan, di atas sokongan dan ~~persefahaman~~ ^{kerjasama} mereka, membantu pasukan keselamatan negara kita, dalam gerakan-gerakan menghancurkan dan memusnahkan saki-baki pengganas komunis, yang telah berlindung dan bersembunyi di sebelah sempadan negara jiran kita itu. Kerjasama dan persefahaman kedua-dua Kerajaan dan rakyat, ini telah membawa hasil kejayaan yang amat besar dan berkesan, sehingga ke hari ini.

8. Di sini, saya menggesa pemimpin dan rakyat di negeri-negeri yang bersempadan dengan

...10/-

10.

negeri Thai, supaya memelihara dan meningkatkan *lagi*
bagi mewujudkan
usaha/suasana hubungan persahabatan yang
baik ini, serta mengeratkan lagi kerjasama
dua-hala, yang boleh mendatangkan faedah kepada
kita bersama. Semangat persefahaman dan
suasana hubungan persehabatan yang baik, adalah
menjadi lebih-lebih lagi diperlukan, memandangkan
pergolakan dan persengkitaan yang berlaku
di rantau ini, yang boleh mengancam keselamatan
negara jiran kita, serta mengancam keamanan
dan ketenteraman tanahair kita.

...11/-

11.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

9. Kerajaan telah dan akan terus berusaha dengan sedaya upayanya, menjalankan apa jua langkah dan program bagi memastikan perpaduan kukuh rakyat ini, berkekalan sepanjang masa. Keadaan ini adalah amat perlu, bagi membolehkan negara mencapai kemajuan yang lebih tinggi, serta membolehkan rakyat menikmati kemakmuran dan kesejahteraan hidup yang lebih sempurna.

Penubuhan Barisan Nasional dalam tahun 1974, telah menghasilkan kejayaan yang amat berkesan,

...11(A)

11(A)

kearah mengekalkan perpaduan rakyat serta mewujudkan kesetabilan politik.

10. Pemimpin-pemimpin parti yang memahami hakikat kepentingan perpaduan rakyat, telah sanggup bergabung dan bersatu di bawah naungan Barisan Nasional. Dengan penyatuan tenaga dan fikiran, kita telah dapat mengurangkan persaingan dalam kegiatan berpolitik sesama sendiri. Sebaliknya, kita telah dapat menumpukan lebih tenaga dan dayausaha, bagi meningkatkan lagi kemajuan dalam kegiatan pembangunan ekonomi negara, serta membaiki lagi keadaan hidup rakyat,

...12/-

12.

terutamanya mereka yang daif dan kurang bernasib baik, serta golongan yang berpendapatan rendah.

Kesemua perkembangan ini, nyata sekali telah menguntungkan rakyat jelata.

11. Kerajaan sentiasa sedar dan insaf, di atas kedudukan dan keadaan hidup rakyat yang miskin dan daif, terutamanya golongan petani, nelayan dan pekebun-pekebun kecil. Sekalipun usaha yang tidak putus-putus telah dijalankan, bagi mengubah sikap serta menukar cara tradisional dan kepada sistem pertanian yang lebih sesuai / moden, yang boleh menghasilkan pengeluaran yang lebih

...12(A)

dan pendapatan yang lebih lumayan, tetapi masih ramai lagi bilangan petani dan nelayan kita, menggunakan cara dan alat-alat lama.

12. Saya harap, dengan panduan dan bimbingan pemimpin-pemimpin tempatan, serta pegawai dan kakitangan Kerajaan yang ada hubungan terus dengan petani, dan nelayan, perubahan sikap dan penukaran dari cara lama kepada sistem yang lebih sesuai dan moden, akan pasti berlaku dan diterima. Dengan jalan ini, maka dapatlah petani dan nelayan kita, meningkatkan lagi hasil pengeluaran mereka, dan menikmati pendapatan

13.

yang lebih tinggi, bagi menampung perbelanjaan sara hidup keluarga mereka.

13. Saya merasa amat gembira apabila diberitahu, bahawa petani dan nelayan di negeri Kedah, telah pun memahami hakikat serta menerima tujuan suci Kerajaan, hendak membawa kemajuan dan kemakmuran kepada mereka. Perubahan sikap ini, jelas dibuktikan dari perkembangan-perkembangan terbaru di dalam beberapa kawasan. Itulah sebabnya, saya telah berulang kali menyeru ~~pemimpin-pemimpin~~, ahli-ahli dan penyokong-penyokong parti PAS supaya ~~memasuki UMNO~~ serta menyertai perjuangan ^{UMNO} ~~kita~~ membela nasib masa depan, kepentingan

...14/-

14.

dan kebajikan rakyat, terutamanya yang miskin dan daif. Kita perlu menikmati kemakmuran dan kebahagiaan hidup yang lebih sempurna, supaya kita dapat menunaikan kewajipan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dalam keadaan yang lebih selesa dan qarar.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

14. Perhimpunan rakyat berbilang kaum di Stadium Darulaman ini, membuktikan tekad dan semangat perpaduan, yang memang sudah sedia terjalin di kalangan rakyat dan penduduk di negeri Kedah. Perhimpunan ini juga, memberi kesimpulan bahawa dengan pimpinan dan bimbingan yang

15.

jujur dan teratur, tenaga dan kekuatan rakyat boleh di satu dan digembelingkan. Saya harap, semangat muhibbah dan perpaduan ^{sepertimana} yang dilahirkan di Stadium ini, dapat digunakan bagi mencapai kemajuan yang lebih meningkat, dan kemakmuran yang lebih tinggi dan meluas, bagi rakyat negeri Kedah.

15. Saya tidak syak lagi, bahawa tenaga dan kekuatan yang ditunjukkan pada petang ini, merupakan sokongan dan keyakinan rakyat jelata, terhadap pucuk pimpinan parti dan Kerajaan yang didokong oleh Barisan Nasional di negeri Kedah ini.

...16/-

16.

Saya harap, sokongan dan kerjasama ini dapat terus diberikan kepada Barisan Nasional, bagi membawa perubahan dan pembangunan sosio-ekonomi yang lebih luas bagi negeri ini.

16. Saya penuh yakin, bahawa tenaga dan kekuatan yang terkumpul di Stadium pada petang ini, melambangkan keutuhan dan ketahanan benteng barisan rakyat, bagi menjamin kedaulatan, *dan keselamatan* dan kemerdekaan/negara, serta bagi mempertahankan nilai sistem cara hidup yang telah kita anuti dan warisi selama ini.

...17/-

17.

17. Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua pihak, yang telah bersusah payah mengaturkan acara sambutan ini, dan seterusnya menyediakan acara lawatan saya ke Kedah kali ini. Mudah-mudahan, TUHAN memberkati segala usaha suci kita, serta memakbulkan segala cita-cita mulia kita.

Terima kasih.





No Siri	487
No Penerimaan	100/81